

Analisis Perubahan Konsep Kontrak dalam Prosedur Pelaksanaan Produk Ar-Rahnu dan Kesannya

Analysis on the Change of Contract Concept in the Implementation of Procedure Ar-Rahnu Products and Its Impact

AIDA RASYIQAH BINTI ZULKIFLI, Universiti Kebangsaan Malaysia
ZAMZURI BIN ZAKARIA¹, Universiti Kebangsaan Malaysia

Received: September 14, 2021 Accepted: November 02, 2021 Online Published: December 15, 2021

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

ABSTRAK

Penawaran produk Ar-Rahnu berasaskan konsep tawarruq diperkenalkan bagi mengganti konsep qard yang diputuskan tidak patuh syarak oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia kerana ada isu qard jarra naf'an dan bai' wa salaf pada amalan caj upah simpanan. Sejauhmana perubahan ini berlaku dan apakah kesan kepada prosedur pelaksanaan produk? Kajian akan menganalisis perubahan konsep kontrak terhadap prosedur pelaksanaan produk Ar-Rahnu dan seterusnya mengkaji kesan perubahan tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan dan temu bual separa struktur. Analisis dibuat berdasarkan empat elemen dalam prosedur pelaksanaan produk iaitu elemen ujian ketulenan dan jenis, elemen kontrak perjanjian, elemen notis peringatan dan elemen perundangan dan takaful. Hasil kajian mendapati bahawa perubahan konsep kontrak dalam produk Ar-Rahnu sememangnya memberi perubahan yang ketara pada elemen kontrak perjanjian kerana berlaku urusniaga jualan komoditi dalam transaksi Ar-Rahnu dan berlaku pertambahan terhadap pihak yang berkontrak. Seterusnya, tiada perubahan yang berlaku pada elemen ujian ketulenan dan jenis serta perundangan dan takaful. Selanjutnya, terdapat perubahan pada elemen notis peringatan dari aspek kaedah tebusan di Ar-Rahnu AgroBank sahaja kerana barang yang ingin ditebus akan dinilai semula mengikut harga emas semasa. Perubahan tersebut telah memberi kesan terhadap prosedur pelaksanaan produk dari aspek prosedur pelaksanaan bertambah kerana berlaku transaksi urusniaga jualan komoditi, berlaku penambahan dokumen perjanjian kepada 2 iaitu kontrak murabahah dan wakalah, jumlah bayaran upah simpan berubah selepas enam bulan berikutnya, pihak yang berkontrak bertambah kerana adanya pihak ketiga dan tempoh menunggu menjadi lama jika terdapat masalah gangguan teknikal dengan sistem bursa. Akhir sekali, kajian mendapati bahawa perubahan konsep kontrak telah memberi kesan yang positif dari sudut konsep syariah dan struktur produk kerana terdapat urusniaga jualan komoditi dan transaksi dapat dilaksanakan tanpa ada unsur gharar.

Kata kunci: Tawarruq dalam Ar-Rahnu, Qard dalam Ar-Rahnu, Prosedur Ar-Rahnu.

ABSTRACT

The offering of Ar-Rahnu products based on the concept of tawarruq was introduced to replace the concept of qard as the former has been decided not to comply with syarak by the Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia due to the issue of qard jarra naf'an and bai' wa salaf on the practice of safe keeping charge. How far do these changes and what affect of product procedures? This research will analyse the changes in the concept of contract in Ar-Rahnu products and affect of such changes. This research used a qualitative method with a content analysis approach and semi -structured interview. The analysis was made based on four elements in the product implementation procedure, namely the authenticity test and type element, agreement contract element, reminder notice element and legal and takaful element. The results showed that the change of contract concept in Ar-Rahnu products did give a significant change to the contract element of the agreement because there was a commodity sale transaction in Ar-Rahnu and there was an increase in contracting parties. Further, there were no changes in element of authenticity test and type as well as legislation and takaful. Furthermore, there is a change in the element of the reminder notice from the aspect of ransom method in Ar-Rahnu AgroBank only as the mortagage to be redeemed will be re-evaluated according to the current gold price. The changes have an impact in terms of increased implementation procedures due to commodity sales transaction, additional of agreement documents to 2 namely murabahah and wakalah contract, the amount of safe keeping fee changed after six months, increased contracting parties due additional third parties and waiting period becomes long if there is a technical problem with the system. Finally, the study found that the change in the concept of contract has a positive effect in terms of shariah concept and product structure because there are commodity sales transactions and it's transactions can be executed without any element

¹ Corresponding author.

of *gharar*.

Keywords: *Tawarruq in Ar-Rahnu, Qard in Ar-Rahnu, Procedure of Ar-Rahnu*

PENGENALAN

Ar-Rahnu merujuk kepada transaksi mencagarkan barang sebagai sandaran kepada pembiayaan yang diterima. Di Malaysia, iaanya dinamakan skim Ar-Rahnu salah satu produk pembiayaan mikro kredit. Skim Ar-Rahnu bersifat neutral iaitu bebas dari unsur *riba* (*faedah*), *gharar* (ketidaktentuan) dan *maisir* (judi) kerana Islam memberi perlindungan ke atas hak penggadai dan pemegang gadai serta melarang penganiayaan kepada masyarakat (Ab Mumin 1999). Namun, pelaksanaan skim Ar-Rahnu berdasarkan struktur sedia ada yang melibatkan prinsip *qard*, *rahn*, *ujrah* dan *wadi'ah* *yad damanah* telah menimbulkan beberapa isu syariah khususnya dalam aspek pengenaan caj upah dalam kes penjagaan barang cagarans (Nik Abdul Rahim & Azlin Alisa 2018; Shamsiah & Safinar 2008). Upah simpan yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan Ar-Rahnu merupakan satu jalan untuk mendapatkan keuntungan melalui pinjaman. Dari sudut syariah mengambil keuntungan melalui akad hutang merupakan *riba* yang diharamkan dalam syariah (Raimi 2015).

Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS BNM) (2019) pada mesyuarat ke-194, telah memutuskan bahawa caj upah simpan yang dilaksanakan dalam transaksi Ar-Rahnu adalah tidak menepati prinsip syariah kerana terdapat unsur pengambilan manfaat daripada kontrak hutang. Implikasi daripada keputusan tersebut, Bank Negara Malaysia telah menerbitkan Polisi Dokumen (PD) *Rahn* (berkuatkuasa 1 Ogos 2019) yang menggariskan keperluan syariah dan operasi berkaitan dengan kontrak *Rahn*. Seterusnya, Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS BNM) pada mesyuarat kali ke 195 telah memutuskan bahawa struktur produk Ar-Rahnu yang ditawarkan oleh Institusi Kewangan Islam (IKI) berasaskan gabungan kontrak *qard*, *rahn*, *wadi'ah* dan *ujrah* tidak memenuhi keperluan syariah dan tidak keluar daripada kerangka *qard jarra naf'an* (MPS BNM 2019).

Perubahan konsep kontrak dalam produk Ar-Rahnu bertujuan memastikan produk tersebut selari dengan ciri-ciri konsep produk patuh syariah agar ia tidak terlibat dengan unsur-unsur yang diharamkan dan bercanggah dengan hukum syarak seperti *riba*, *gharar* dan *judi*. Perkara ini disokong oleh ketua pengarah YaPEIM iaitu Pariyah Hasan (2020) yang menyatakan penawaran perkhidmatan Ar-Rahnu berasaskan konsep Tawarruq adalah bertujuan untuk menambah baik struktur produk tersebut (Suharne 2020).

Implikasi daripada keputusan MPS BNM, kesemua penyedia perkhidmatan Ar-Rahnu di bawah pengawalseliaan Bank Negara Malaysia (BNM) seperti AgroBank, Bank Rakyat, Bank Islam Malaysia Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad telah

melakukan penstruktur semula produk tersebut dengan menggunakan konsep lain dalam produk Ar-Rahnu iaitu tawarruq. Jika dilihat dari sudut kluster penyedia perkhidmatan Ar-Rahnu di Malaysia, ia boleh dikategorikan kepada empat kluster iaitu kluster perbankan, koperasi, kerajaan negeri dan syarikat.

Berikutnya keputusan MPS BNM tersebut, ia bukan sahaja menyebabkan kluster penyedia perkhidmatan ar-Rahnu dari kluster perbankan yang terikat dengan keputusan tersebut perlu menukar kepada konsep tawarruq, bahkan sebahagian besar institusi lain di bawah pengawalseliaan Koperasi, syarikat dan seliaan kerajaan negeri juga turut mengikuti pertukaran konsep tersebut. Kajian ini memilih Ar-Rahnu AgroBank mewakili kluster perbankan, Ar-Rahnu Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) mewakili kluster koperasi manakala ar-Rahn Permodalan Kelantan Berhad (PKB) di bawah kategori kluster koperasi dan syarikat. Pemilihan ini berdasarkan perbezaan kluster dan merupakan penyedia yang terawal mewakili kluster tersebut. Kajian akan melihat sejauhmana perubahan dan kesan akibat perubahan konsep kontrak Ar-Rahnu ke atas penyedia perkhidmatan di kluster yang berbeza.

Setiap perubahan atau pelaksanaan instrumen yang baru dalam sesuatu produk sudah tentu akan mengakibatkan perubahan dalam prosedur pelaksanaan produk tersebut. Namun, perkara ini diakui oleh Nur Zikri (2021) sebagai penaksir Ar-Rahnu di Ar-Rahnu Tekun Cawangan Tanah Merah Kelantan yang menyatakan bahawa penawaran produk Ar-Rahnu berasaskan konsep tawarruq telah memberi perubahan terhadap prosedur pelaksanaan produk khususnya pada elemen pelaksanaan kontrak perjanjian dan kaedah pengiraan kadar keuntungan (Nur Zikri 2021). Seterusnya, terdapat perbezaan pembiayaan Ar-Rahnu menggunakan konsep syariah *qard*, *rahn*, *wadi'ah yad dhamanah* dan *ujrah* dengan menggunakan konsep syariah *Tawarruq* dan *rahn* iaitu dari segi kaedah pengiraan keuntungan bulanan (Portal Rasmi Co-op Bank Pertama 2021).

Selain itu, menurut Mohd Farhan & Mohd Adib (2011), antara permasalahan yang dihadapi dalam melaksanakan model atau kontrak tawarruq ialah kecekapan pengurusan pihak institusi dalam menyediakan asset sandaran (emas) daripada pasaran dilihat sebagai satu cabaran terhadap kontrak ini. Selain itu, perlaksanaan kontrak tawarruq dalam produk Ar-Rahnu juga akan menimbulkan risiko yang bakal dirasai oleh penggadai sekiranya harga emas mengalami penurunan dalam masa beberapa bulan tempoh gadaian dilakukan seperti mana yang berlaku pada penghujung tahun 2008. Penurunan yang ketara selama 4 bulan berturut-turut memberi risiko dan kesan yang besar kepada penggadai untuk memenuhi keperluan pinjaman yang diperlukan.

Berdasarkan pernyataan ini jelas menunjukkan

bahawa perubahan konsep qard kepada tawarruq telah membawa perubahan dalam prosedur pelaksanaan produk ar-Rahnu. Namun sejauhmana perubahan terperinci terhadap keseluruhan pelaksanaan produk tersebut. Apakah kesan perubahan tersebut ke atas kontrak perjanjian, pihak yang terlibat dan aspek-aspek yang lain? Apakah perubahan berbeza antara kluster penyedia perkhidmatan Ar-Rahnu. Perkara ini didapati belum ada kajian dibuat mengenainya kerana ia merupakan satu perubahan yang baru. Oleh itu, kajian akan menganalisis sejauhmana perubahan pada elemen prosedur pelaksanaan produk akibat perubahan konsep kontrak dalam produk Ar-Rahnu dan seterusnya mengkaji kesan perubahan tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Dalam proses pengumpulan data, pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan dan temu bual separa struktur. Temu bual separa struktur telah dijalankan ke atas tiga kluster penyedia perkhidmatan Ar-Rahnu yang telah dipilih dan dijadikan sampel kajian ini. Informan bagi Ar-Rahnu AgroBank, Encik Ab Sofi Mustaffa selaku *Head of Consumer Regional AgroBank Kelantan Terengganu* dan Puan Nur Hidayah Awang selaku pegawai Ar-Rahnu AgroBank cawangan Kuala Terengganu. Seterusnya, Ar-Rahnu Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (Ar-Rahnu YaPEIM), Puan Norazlin Mokhtar selaku ketua bahagian operasi ar-Rahnu YaPEIM, di ibu pejabat koperasi YaPEIM Berhad. Manakala, ar-Rahn Permodalan Kelantan Berhad (Ar-Rahn PKB), Encik Hisyam Khairi selaku Pegawai Operasi Permodalan Kelantan Berhad dan Encik Azmi, selaku Pengurus Bahagian Shariah dan Integriti Permodalan Kelantan Berhad.

KONSEP DAN PERKEMBANGAN PRODUK AR-RAHNU

Produk Ar-Rahnu merupakan salah satu skim pembiayaan mikro kredit yang dilaksanakan oleh institusi pelaksana seperti bank, koperasi, institusi kerajaan negeri dan syarikat bagi memberi kemudahan tunai segera kepada masyarakat dengan menggunakan emas sebagai cagaran kepada pembiayaan yang diberikan. Skim Ar-Rahnu yang dilaksanakan di negara ini adalah merujuk kepada mekanisme di mana suatu barang berharga (emas) dijadikan sandaran yang terikat dengan hutang bercagar yang boleh dibayar dengannya, sekiranya hutang tersebut tidak dapat dijelaskan (Rosliza 2016).

Di dalam al-Quran, keharusan melaksanakan gadaian Al-Rahn berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, 2:283:
وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَى سَفَرٍ وَلَمْ تَجْدُوا كَاتِبًا فَرْهُنْ مَقْبُوضةً
Maksudnya: “Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh),

sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang).

Rahn dalam bahasa Arab merupakan kata terbitan yang berasal daripada kata terbitan *rahana* yang bermaksud menggadaikan. Menurut Wahbah (1984) al-Rahn diistilahkan sebagai sesuatu yang dianggap harta dimana diambil daripada pemiliknya untuk dijadikan jaminan atau cagaran bagi sesuatu hutang yang lazim atau yang akan menjadi lazim. Selain itu, istilah al-Rahn merujuk kepada sesuatu barang yang bernilai sebagai cagaran atas sesuatu hutang yang akan digunakan untuk melangsangkan hutang apabila hutang itu tidak dapat dibayar (Zulkifli 2015).

Keberkaitan dan kebergantungan kontrak, rahn, wadi'ah dan ujrah dengan kontrak qard dalam struktur produk ini menimbulkan isu qard jarra naf'an (pinjaman yang menjana manfaat kepada pemberi pinjam) dan bai' wa salaf (gabungan kontrak jual beli dan pinjaman) yang tidak dibenarkan Syarak. Dalam struktur produk ini, salah satu kontrak tidak akan efektif tanpa kewujudan kontrak lain. Sebagai contoh, qard hanya diberikan dengan syarat pelanggan menyimpan emas dan membayar upah simpanan emas tersebut. Hal ini secara tidak langsung mewujudkan keberkaitan antara qard dan caj upah simpan yang membawa kepada isu qard jarra naf'an. Selain itu, kombinasi rahn dan qard dalam produk ar-rahnu bagi menjana keuntungan tidak menepati objektif kontrak (*muqtada `aqd*) rahn dan qard memandangkan objektif asal kedua-dua kontrak adalah untuk cagaran dan kebajikan (charity) (Majlis Penasihat Syariah BNM 2019). Oleh itu, pelaksanaan produk Ar-Rahnu berdasarkan konsep tawarruq diperkenalkan bagi mengatasi masalah terhadap isu pengenaan upah simpanan berdasarkan nilai aset cagaran dalam produk Ar-rahnu yang didapati mempunyai elemen keuntungan kepada Penyedia perkhidmatan Ar Rahnu turut membawa kepada isu *qard jarra naf'an* dan *bai' wa salaf* yang dilarang Syarak.

Dengan menggunakan konsep tawarruq dalam produk ar-Rahnu, pelanggan akan memohon pembiayaan daripada pihak bank dengan membuat satu janji yang mengikat bagi permintaan aset untuk membeli komoditi patuh syariah daripada pihak bank dengan harga jualan. Jual beli komoditi berdasarkan pembayaran tangguh secara murabahah daripada penjual kepada pelanggan (Ab Sofi 2021). Seterusnya, pelanggan hendaklah menjual komoditi tersebut melalui pihak Ar-Rahnu yang bertindak sebagai ejen di bawah kontrak wakalah kepada pihak ketiga secara tunai. Wang tunai tersebut akan dianggap sebagai peruntukan pembiayaan kepada pelanggan. Transaksi tawarruq hendaklah dilaksanakan sebelum pembayaran amaun pembiayaan kepada pelanggan. Walaubagaimanapun, pelanggan berhak untuk mengambil komoditi yang telah dibeli oleh pihak bank apabila permintaan secara bertulis dibuat oleh pihak pelanggan sebelum pihak bank menjual

komoditi tersebut kepada pihak ketiga. Semua kos dan perbelanjaan penghantaran serta pemindahan pemilikan komoditi akan ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan. Oleh yang demikian, amaun fasiliti tidak akan dibayar oleh pelanggan (Agrobank 2021).

Pelaksanaan tawarruq diharuskan berdasarkan nas umum keharusan jual beli dalam surah al-Baqarah, 2: 275:

وَأَحَلَّ اللَّهُ أَبْيَعَ وَحَرَمَ الرِّبَا

Maksudnya: "...padahal Allah SWT telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba"

Tawarruq dari sudut bahasa adalah Masdar daripada *tawarraqa*, yang berasal daripada perkataan *al-Wariq* yang bermaksud wang atau dirham perak (Ibn Manzur 1990). Manakala dari sudut istilah, tawarruq berlaku apabila seseorang yang membeli sesuatu barang dengan pembayaran secara tangguh, kemudian orang itu menjual kepada orang lain dengan harga yang kurang daripada pembelian pertama bagi tujuan mendapatkan wang tunai. AAIOFI (2010) mendefinisikan Tawarruq sebagai membeli satu barang dengan harga bertangguh sama ada secara musawamah atau murabahah kemudian menjual secara tunai kepada pihak selain pihak penjual asal bagi tujuan mendapatkan wang tunai.

Di Malaysia, inisiatif untuk menubuhkan skim Ar-Rahnu telah dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bahagian Hal Ehwal Islam Malaysia pada April 1983 dan diusulkan kepada Majlis Agama Islam Negeri atau Bank Islam Malaysia Berhad. Namun kedua-dua organisasi tersebut tidak menunjukkan minat. Ar-Rahnu pertama telah diperkenalkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM) pada tahun 1992. Kemudiannya, Permodalan Kelantan Berhad (PKB) telah memperkenalkan skim Ar-Rahnu dan memulakan operasi pada Mac 1992 (Ab Mumin 1999). Seterusnya diikuti oleh Bank Rakyat pada 1993 dengan kerjasama dan pembiayaan bersama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM). Perkembangan skim Ar-Rahnu kemudiannya diteruskan di Bank Islam Malaysia Berhad pada 1998 dan Bank Pertanian Malaysia (Agrobank) pada tahun 2002 serta di peringkat koperasi melalui inisiatif beberapa kerajaan negeri yang lain.

Produk Ar-Rahnu di AgroBank dikenali sebagai sistem pajak gadai Islam Ar-Rahnu AgroBank yang menyediakan kemudahan tunai segera bagi mengatasi masalah-masalah keperluan aliran tunai bagi mewujudkan dan memberi suntikan peluang pekerjaan dan mengelakkan daripada pinjaman yang dibuat secara haram atau tanpa lesen seperti ah long. Ar-Rahnu AgroBank menawarkan margin pembiayaan yang tinggi sehingga 80% daripada nilai emas semasa dan upah simpan serendah 0.55 sen serta tempoh pembiayaan maksimum selama 3 tahun. Terdapat beberapa jenis barang emas yang diterima iaitu barang kemas gred 999,950,916,875, 835 dan 750. Ar-Rahnu AgroBank merupakan institusi Ar-Rahnu di bawah pengawalseliaan Bank Negara

Malaysia dan tertakluk di bawah peraturan dan garis panduan yang telah digariskan oleh Bank Negara Malaysia. Sehingga kini, terdapat 116 cawangan Ar-Rahnu AgroBank di seluruh Malaysia (Ab Sofi 2021).

Ar-Rahnu YaPEIM juga merupakan peneraju dalam perkhidmatan mikro kredit Ar-Rahnu sejak tahun 1993 melalui Bank Kerjasama Rakyat Malaysia dan seterusnya pada tahun 2000 melalui koperasi YaPEIM Berhad (KYB). Ar-Rahnu YaPEIM juga merupakan antara pelapor utama Ar-Rahnu di Malaysia dan serantau serta telah menyumbang pencapaian yang besar dengan jumlah cawangan terkini sebanyak 203 cawangan di seluruh Malaysia serta 9 kaunter bas bergerak. Ar-Rahnu YaPEIM menawarkan Ar-Rahnu berdasarkan ciri-ciri produk yang ditawarkan. Terdapat lima ciri-ciri produk iaitu Ar-Rahnu Bisnes YaPEIM, Ar-Rahnu Emas YaPEIM, Ar-Rahnu Didik YaPEIM, Ar-Rahnu prestij YaPEIM dan Ar-Rahnu Care. Margin pembiayaan, had pembiayaan dan upah simpan adalah dikira mengikut ciri-ciri produk yang ditawarkan. Tempoh pembiayaan adalah selama 10 bulan sahaja. Koperasi YaPEIM telah didaftarkan di bawah seliaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Akta Koperasi 1993 serta menggunakan garis panduan pajak gadai Islam GP 25 SKM (Norazlin 2021).

Seterusnya, ar-Rahn Permodalan Kelantan Berhad (PKB) merupakan usaha murni Permodalan Kelantan Berhad bermatlamatkan memberi peluang bermuamalah berlandaskan syariah kepada masyarakat. Ianya direalisasikan dari dasar membangun bersama Islam oleh kerajaan negeri dengan memberi alternatif muamalah kepada rakyat yang berkONSEPAN syariah. Ar-Rahn memberikan kemudahan yang boleh dinikmati oleh pelanggan dengan mudah dan tidak membebankan. Ar-Rahn dapat membantu pelanggan secara adil, telus dan mudah tanpa memerlukan dokumen dan proses yang menyulitkan. Sehingga kini, terdapat 33 cawangan ar-Rahn PKB di seluruh Kelantan, Pahang, Selangor, Kuala Lumpur, Perlis, Kedah dan Sabah. Ar-Rahn PKB menawarkan margin yang tinggi kepada pelanggan sehingga 80% daripada jumlah atau nilai emas yang digadai dan tempoh pembiayaan selama 12 bulan. Ar-Rahn PKB juga menerima dinar, gold bar, barang permata termasuk emas putih, gajet atau alat elektronik (laptop dan kamera) di cawangan yang terpilih sahaja untuk dijadikan barang cagaran. Ar-Rahn PKB merupakan institusi ar-Rahnu di bawah seliaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan 1 cawangan di bawah seliaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Hisyam Khairi 2021).

ANALISIS PERUBAHAN KONSEP KONTRAK DALAM PRODUK AR-RAHNU TERHADAP PROSEDUR PELAKSANAAN PRODUK

Data yang dianalisis dalam kertas kerja ini adalah diperolehi daripada hasil temu bual keatas informen kajian iaitu pihak Ar-Rahnu AgroBank, pihak Ar-Rahnu YaPEIM dan pihak ar-Rahn PKB. Dalam

kajian ini pengkaji menetapkan elemen dalam prosedur pelaksanaan produk Ar-Rahnu kepada empat. Empat elemen ini ditetapkan berdasarkan proses aliran dalam pelaksanaan produk Ar-Rahnu. Pertama, elemen ujian ketulenan dan jenis dari aspek penentuan kualiti emas, jumlah pembiayaan dan margin pembiayaan. Kedua, elemen kontrak perjanjian dari aspek pihak yang berkontrak, lafaz kontrak, upah simpah, tempoh pembiayaan dan dokumen perjanjian. Ketiga, elemen notis peringatan dari aspek kaedah tebusan, kaedah pelanjutan tempoh pembiayaan, kaedah lelongan dan lebihan lelongan. Terakhir ialah elemen perundangan dan takaful. Jadual 1 di bawah menunjukkan aspek perubahan dalam prosedur pelaksanaan produk ar-Rahnu akibat perubahan konsep kontrak.

Jadual 1: Analisis perubahan terhadap prosedur pelaksanaan produk akibat perubahan konsep kontrak

| Institusi ar-Rahnu | Ar-Rahnu AgroBank | Ar-Rahnu YaPEIM | Ar-Rahn PKB |
|-------------------------------------|--|---|--|
| 1) Elemen Ujian Ketulenan Dan Jenis | -Tiada perubahan yang berlaku | -Tiada perubahan yang berlaku | Tiada perubahan yang berlaku |
| 2) Elemen Kontrak Perjanjian | <p>-Perubahan yang ketara dari aspek;</p> <p>-pihak yang berkontrak: perubahan daripada 2 pihak kepada 3 pihak yang berkontrak.</p> <p>-bayaran upah simpan berubah</p> <p>-Tempoh pembiayaan daripada 5 kepada 3 tahun</p> <p>-Dokumen perjanjian daripada surat SAG kepada kontrak murabahah dan wakalah</p> | <p>- Perubahan yang ketara dari aspek;</p> <p>- pihak yang berkontrak perubahan daripada 2 pihak yang terlibat kepada 3 pihak.</p> <p>- Tempoh pembiayaan daripada 9 bulan kepada 12 bulan</p> <p>-Dokumen perjanjian daripada surat SAG kepada kontrak murabahah dan wakalah</p> | <p>-Perubahan yang ketara dari aspek;</p> <p>- pihak yang berkontrak perubahan daripada 2 pihak yang berkontrak kepada 3 pihak.</p> <p>- Tempoh pembiayaan daripada 9 bulan kepada 12 bulan</p> <p>-Dokumen perjanjian daripada surat SAG kepada kontrak murabahah dan wakalah</p> |
| 3) Elemen Notis | - Tiada perubahan | -Tiada perubahan | -Tiada perubahan |

| Peringatan | yang ketara berlaku -hanya berubah pada aspek kaedah tebusan | n yang berlaku | yang berlaku |
|---------------------------------|--|-------------------------------|-------------------------------|
| 4) Elemen Perundangan & Takaful | -Tiada perubahan yang berlaku | -Tiada perubahan yang berlaku | -Tiada perubahan yang berlaku |

Sumber: Ab Sofi & Nur Hidayah (2021); Norazlin (2021); Hisyam Khairie & Azmi (2021)

Berdasarkan jadual 1 di atas, terdapat empat elemen dalam prosedur pelaksanaan produk ar-Rahnu yang telah dianalisis oleh pengkaji. Pertama ialah analisis perubahan ke atas elemen ujian ketulenan dan jenis dari aspek penentuan kualiti emas, jumlah pembiayaan dan margin pembiayaan. Menurut Nur Hidayah (2021), tiada perubahan yang berlaku pada aspek ujian ketulenan dan jenis. Hal ini kerana, penentuan kualiti emas masih lagi menggunakan peralatan-peralatan pengujian emas seperti densimeter, magnet, mesin ultrasonic dan AGT3. Ar-Rahnu AgroBank menawarkan margin sehingga 80% dan jumlah pembiayaan maksimum sehingga RM 150 ribu. Seterusnya, menurut Norazlin (2021), perubahan konsep kontrak tidak memberi sebarang perubahan dari aspek penentuan kualiti emas, jumlah dan margin pembiayaan serta tempoh pembiayaan yang dilaksanakan oleh ar-Rahnu YaPEIM. Menurut Hisyam (2021), tiada perubahan yang berlaku bagi aspek ujian ketulenan dan jenis walaupun berlaku perubahan konsep kontrak. Ar-Rahn PKB masih lagi menawarkan margin pembiayaan sehingga 80% dan masih menggunakan proses pengujian emas menggunakan alatan yang sama seperti konsep qard dahulu iaitu densimeter, magnet dan penggunaan asid.

Kedua ialah analisis perubahan ke atas elemen kontrak perjanjian dari aspek pihak yang berkontrak, lafaz kontrak, upah simpah, tempoh pembiayaan dan dokumen perjanjian. Menurut Norazlin (2021) & Nur Hidayah (2021), terdapat perubahan yang ketara pada aspek pihak yang berkontrak kerana berdasarkan konsep lama iaitu qard, pihak yang berkontrak mestilah mengandungi penggadai dan penerima gadaian. Namun, apabila berlaku perubahan konsep kontrak dengan memperkenalkan konsep tawarruq telah berlaku pertambahan pihak yang berkontrak iaitu penerima gadaian (penyedia perkhidmatan Ar-Rahnu), penggadai (pelanggan) dan platform perdagangan komoditi (pembekal dan pembeli komoditi). Platform perdagangan komoditi yang dikenali sebagai Bursa Suq Al-Sila' (BSAS) telah dilancarkan oleh Bank Negara Malaysia dengan kerjasama Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia Berhad yang berperanan sebagai suatu platform menyediakan urus niaga perdagangan komoditi. Pada dasarnya nama platform perdagangan komoditi ini adalah "bursa komoditi murabahah market", namun untuk menjadikan ia adalah produk keluaran bursa

Malaysia maka ia dinamakan sebagai bursa suq al-sila' yang merupakan gabungan perkataan bahasa Arab iaitu Bursah (platform), suq (pasaran) dan al-sila' (barang/komoditi). Terdapat empat komoditi utama yang diniagakan di platform BSAS iaitu minyak sawit mentah (MSM), damar plastik atau polyethelyne (*plastic resin*) yang mempunyai spesifikasi yang khusus, RBD Olien dan kayu. Jadual 2 menunjukkan analisis perubahan pada aspek pihak yang berkontrak berdasarkan konsep qard dan tawarruq:

berkontrak iaitu penerima gadaian (penyedia perkhidmatan ar-Rahnu), penggadai (pelanggan) dan platform perdagangan komoditi. Seterusnya, terdapat perubahan yang ketara pada aspek lafaz kontrak dan dokumen perjanjian menggunakan konsep *tawarruq*. Menurut Azmi (2021), berdasarkan konsep *qard*, ar-Rahn PKB menggunakan empat jenis kontrak iaitu kontrak *qard*, *ujrah*, *wadiyah yad dhamanah* dan *ujrah* sebagai konsep syariah dalam pembiayaan ar-Rahn, akan tetapi apabila perubahan konsep kepada *tawarruq* terdapat tiga konsep yang diguna iaitu *bay murabahah*, kontrak *rahn* dan *wakalah*. Penawaran

Jadual 2: Analisis perubahan pada elemen pihak yang berkontrak

| Bil. | Pihak yang berkontrak | Konsep qard | Konsep tawarruq |
|------|--|-------------|-----------------|
| 1 | Penyedia Ar-Rahnu | ✓ | ✓ |
| 2 | Pelanggan | ✓ | ✓ |
| 3 | Platform perdagangan komoditi: i) Pembekal komoditi ii) Pembeli komoditi | X | ✓ |

Sumber: Nur Hidayah (2021); Ab Sofi (2021); Norazlin (2021); Azmi (2021)

Menurut Nur Hidayah (2021), terdapat perubahan dari aspek dokumen perjanjian. Perubahan konsep kontrak telah menyebabkan wujud transaksi urusniaga jualan komoditi yang akan berlangsung di sistem bursa saham dan wujud akad kontrak yang dipanggil dokumen perjanjian. Manakala dari segi lafaz kontrak ianya lebih kurang sama dengan konsep qard, tetapi berbeza disebabkan konsep tawarruq ada akad kontrak dan konsep qard tidak ada akad. Selain itu, menurut Ab Sofi (2021), perubahan produk ar-Rahn AgroBank daripada qard kepada tawarruq telah menyebabkan berlaku perubahan ke atas dokumen perjanjian kerana konsep dahulu tidak memerlukan kepada kaedah penampalan stem dan sekarang setiap dokumen transaksi yang dikeluarkan memerlukan kepada sistem stem. Terdapat dua salinan dokumen perjanjian yang akan dikeluarkan oleh pihak ar-Rahn AgroBank dan satu salinan akan diberikan kepada pelanggan dan satu salinan lagi akan disimpan oleh pihak ar-Rahn AgroBank.

Seterusnya, menurut Norazlin (2021) terdapat perubahan yang ketara pada elemen kontrak perjanjian apabila berlaku perubahan konsep kontrak. Perubahan tersebut telah menyebabkan wujud pihak ketiga. Berdasarkan konsep qard sebelum ini pihak yang berkontrak adalah antara pihak koperasi YaPEIM berhad dengan pelanggan sahaja, akan tetapi apabila melaksanakan konsep tawarruq ada transaksi dengan pihak ketiga iaitu broker daripada bursa *suq al-sila'*. Bagi kontak perjanjian antara koperasi YaPEIM berhad dengan pelanggan adalah sama sahaja, akan tetapi antara koperasi YaPEIM dengan broker sahaja yang terdapat pertambahan.

Perubahan konsep kontrak juga telah menyebabkan berlakunya pertambahan pihak yang

produk ar-Rahn berdasarkan konsep tawarruq telah menyebabkan penambahan satu dokumen bagi proses pembiayaan kontrak wakalah dimana pelanggan akan melantik pihak ar-Rahn PKB sebagai wakil untuk penjualan komoditi kepada pihak ketiga bagi pihak pelanggan. Dari segi kaedah pengiraan keuntungan atau upah simpan terdapat sedikit perubahan kerana jumlah keuntungan dikira berdasarkan kepada nilai semasa emas semasa hari pembiayaan dibuat oleh pelanggan.

Terdapat perubahan pada aspek tempoh pembiayaan menggunakan konsep qard kepada tawarruq dari aspek tempoh pembiayaan. Di ar-Rahn AgroBank tempoh pembiayaan yang dilaksanakan adalah semasa konsep qard selama 5 tahun tetapi apabila berubah konsep tawarruq tempoh pembiayaan dikurangkan kepada 3 tahun (Ab Sofi 2021). Manakala di ar-Rahn PKB pula, tempoh pembiayaan daripada 9 bulan ditukar kepada 12 bulan apabila konsep tawarruq diperkenalkan dan di ar-Rahn YaPEIM tiada perubahan pada aspek tempoh pembiayaan kerana ar-Rahn YaPEIM menetapkan tempoh pembiayaan adalah selama 10 bulan sama sahaja dengan konsep qard terdahulu (Norazlin 2021).

Ketiga ialah analisis perubahan ke atas elemen notis peringatan dari aspek kaedah tebusan, kaedah pelanjutan tempoh pembiayaan, kaedah lelongan dan lebihan lelongan. Menurut Ab Sofi (2021), kaedah lelongan masih menggunakan manual yang sama walaupun berlaku perubahan konsep. Hal ini kerana, lelongan berlaku di atas kemungkinan pelanggan untuk membuat bayaran kadar upah simpan dan tebusan bagi tempoh yang telah ditetapkan dan setelah dihantar 4 kali notis peringatan. Terdapat sedikit perubahan yang berlaku keatas kaedah tebusan.

Menurut Nur Hidayah (2021), terdapat perubahan pada kaedah tebusan iaitu apabila pelanggan ingin menebus 1 item daripada 9 item barang yang digadai maka ianya perlu dinilai dan dikira serta perlu kepada surat dokumen yang baru berbeza dengan konsep dahulu hanya perlu tanda dan tidak perlu dinilai semula item lain. Seterusnya, tiada perubahan yang berlaku pada elemen notis peringatan bagi ar-Rahnu YaPEIM dan ar-Rahnu PKB.

Selanjutnya, keempat ialah analisis perubahan ke atas elemen perundangan dan takaful. Dari sudut perundangan ar-Rahnu AgroBank di bawah pengawalseliaan Bank Negara Malaysia dan masih menggunakan perundangan serta takaful yang sama seperti konsep terdahulu (Ab Sofi 2021). Menurut Norazlin (2021), perundangan dan takaful masih lagi sama seperti konsep qard sebab koperasi YaPEIM Berhad di bawah pengawalseliaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan dari sudut takaful ar-Rahnu YaPEIM mengenakan upah simpan berdasarkan nilai barang dan tidak melibatkan perubahan keatas takaful.

Secara umumnya, setelah dianalisis perubahan ke atas empat elemen dalam prosedur pelaksanaan produk ar-Rahnu maka dapatlah disimpulkan bahawa perubahan yang ketara adalah berlaku pada elemen kontrak perjanjian. Ketiga-tiga informan telah menyatakan bahawa penawaran produk ar-Rahnu berdasarkan konsep tawarruq telah menyebabkan pertambahan pihak yang berkontrak dan wujudnya urusniaga jualan komoditi diantara penyedia perkhidmatan ar-Rahnu, pelanggan dan platform perdagangan komoditi. Seterusnya, tiada perubahan yang berlaku pada aspek ujian ketulenan dan jenis Manakala pada aspek notis peringatan, terdapat perubahan yang tidak ketara terhadap kaedah tebusan. Akhir sekali, tiada perubahan yang berlaku pada aspek perundangan dan takaful.

KESAN PERUBAHAN KONSEP KONTRAK DALAM PRODUK AR-RAHNU

Terdapat beberapa kesan perubahan konsep kontrak dalam produk ar-Rahnu antaranya iaitu;

Pertama ialah prosedur pelaksanaan produk bertambah:

Penawaran produk ar-Rahnu berdasarkan konsep tawarruq telah menyebabkan berlaku perubahan dan pertambahan dari segi prosedur membuat gadaian iaitu berlaku transaksi urusniaga jualan komoditi di antara pihak penyedia ar rahnu dan penyedia platform perdagangan komoditi serta pelanggan. Selain itu, kesan perubahan tersebut telah menyebabkan perubahan dan pertambahan terhadap standard operation prosedur (SOP) ar-Rahn PKB iaitu transaksi jual beli komoditi menggunakan kontrak murabahah dan seterusnya pelanggan akan mewakilkan kepada pihak ar-Rahnu menggunakan kontrak wakalah untuk menjual semula komoditi tersebut bagi mendapatkan pembiayaan tunai (Hisyam Khairi 2021).

Kedua ialah berlaku penambahan dokumen:

Pelaksanaan produk ar-Rahnu menggunakan konsep tawarruq telah menyebabkan berlaku penambahan dari aspek dokumen perjanjian. Berdasarkan konsep al qard, hanya terdapat satu surat sahaja yang dipanggil surat akuan gadaian (SAG), tetapi apabila berubah konsep kepada tawarruq terdapat penambahan dokumen iaitu surat urusniaga jualan komoditi dan juga kontrak wakalah (Norazlin 2021). Terdapat 3 salinan dokumen perjanjian yang akan dikeluarkan oleh ar-Rahnu YaPEIM dan akan diberikan kepada pelanggan satu salinan dan dua salinan lagi akan disimpan oleh pihak ar-Rahnu YaPEIM.

Ketiga ialah upah simpan berubah

penawaran produk ar-Rahnu berdasarkan konsep tawarruq telah memberi kesan terhadap jumlah bayaran upah simpan daripada pelanggan kepada penyedia perkhidmatan ar-Rahnu. Jumlah bayaran upah simpan akan berubah selepas enam bulan pertama (Nur Hidayah 2021). Sebagai contoh, caj upah simpan minimum dekat ar-Rahnu AgroBank selama 6 bulan pertama adalah rm60 (rm10 adalah caj minimum x 6 bulan) akan tetapi apabila berubah konsep kepada tawarruq maka caj upah untuk 6 bulan berikutnya akan berubah mengikut harga emas semasa yang mungkin akan meningkat atau menurun sewaktu transaksi dilakukan. Berbeza dengan konsep qard, upah simpan yang dikenakan adalah tetap untuk tempoh 6 bulan sampailah 5 tahun tempoh gadaian dilakukan. Perubahan ini telah memberi kesan kepada pelanggan yang ingin membayar upah simpan untuk 6 bulan berikutnya. Hal ini kerana, jumlah upah simpan adalah berubah mengikut harga emas semasa yang menyebabkan berlaku penambahan atau pengurangan pada jumlah upah simpan tersebut.

Keempat ialah pihak yang berkontrak bertambah:

Perubahan konsep kontrak juga telah menyebabkan berlakunya pertambahan pihak yang berkontrak. Berdasarkan konsep lama iaitu qard, pihak yang berkontrak mestilah mengandungi penggadai dan penerima gadaian. Namun, apabila berlaku perubahan konsep kontrak dengan memperkenalkan konsep tawarruq telah berlaku pertambahan pihak yang berkontrak iaitu penerima gadaian (penyedia perkhidmatan Ar-Rahnu), penggadai (pelanggan) dan platform perdagangan komoditi.

Kelima tempoh menunggu lama:

Menurut Azmi (2021) pada awal pelaksanaan konsep tawarruq terdapat masalah dan mengalami beberapa gangguan dari segi teknikal seperti laman sesawang dan sistem tergendala yang menyebabkan masa yang diambil bagi satu-satu transaksi berbanding produk lama akan mengambil sedikit masa sehingga proses gadaian selesai. Proses jual beli komoditi akan berlangsung melalui sistem bursa suq al-sila', oleh itu jika berlaku masalah teknikal berkaitan dengan sistem bursa tersebut maka urusniaga jualan komoditi tidak

dapat dijalankan dan perkara ini juga telah menyebabkan penyedia perkhidmatan ar-Rahnu tidak boleh meneruskan transaksi gadaian sehingga masalah teknikal atau sistem bursa berhubung kembali dengan sistem ar-Rahnu. Perkara ini telah menyebabkan transaksi gadaian tidak dapat dijalankan dan pelanggan perlu menunggu atau kembali semula ke institusi ar-Rahnu selepas sistem bursa dan transaksi urusniaga jualan komoditi dilaksanakan semula (Norazlin 2021). Masalah teknikal juga telah menyebabkan pelanggan perlu menunggu untuk kelulusan pembiayaan menjadi lama apabila berlaku masalah teknikal kerana pasaran bursa tidak dapat bersambung dengan sistem ar-Rahnu dan urusniaga jualan komoditi tidak dapat dilaksanakan.

Secara umumnya, terdapat lima kesan perubahan konsep kontrak dalam produk ar-Rahnu yang dapat pengkaji huraikan iaitu yang pertama ialah prosedur pelaksanaan bertambah kerana terdapat urusniaga jualan komoditi dalam transaksi ar-Rahnu. Kedua ialah berlaku penambahan dokumen iaitu kontrak murabahah dan kontrak wakalah. Seterusnya, ketiga ialah jumlah bayaran upah simpan berubah selepas enam bulan berikutnya mengikut harga emas semasa pada tarikh upah dibayar. Kesan yang keempat ialah pihak yang berkontrak bertambah kepada 3 pihak iaitu penyedia, pelanggan dan platform perdagangan komoditi dan akhir sekali ialah tempoh menunggu bagi pelanggan akan mengambil masa yang lama jika terdapat masalah gangguan teknikal dengan sistem bursa yang menyebabkan transaksi gadaian tidak dapat dilaksanakan.

KESIMPULAN

Perubahan konsep kontrak dalam produk Ar-Rahnu telah memberi perubahan terhadap prosedur pelaksanaan produk. Setelah dianalisis pengkaji dapat menyimpulkan bahawa perubahan konsep kontrak telah menyebabkan perubahan yang ketara terhadap elemen kontrak perjanjian dari aspek pihak yang berkontrak, lafaz kontrak, upah simpan, tempoh pembiayaan dan dokumen perjanjian. Perubahan konsep kontrak telah menyebabkan berlaku pertambahan pihak yang berkontrak iaitu platform perdagangan komoditi dan berbeza dengan konsep sebelum ini iaitu antara penyedia Ar-Rahnu dan pelanggan sahaja serta berlaku perubahan pada aspek tempoh pembiayaan seperti ar-Rahnu AgroBank daripada 5 tahun dikurangkan kepada 3 tahun sahaja dan di ar-Rahn PKB berlaku perubahan tempoh daripada 9 bulan ditukar kepada 12 bulan.. Seterusnya, tiada perubahan yang berlaku pada aspek ujian ketulenan dan jenis kerana ketiga-tiga kluster masih menggunakan peralatan pengujian emas yang sama walaupun berlaku perubahan konsep. Selanjutnya, terdapat perubahan yang berlaku pada elemen notis peringatan dari aspek kaedah tebusan yang berlaku dia ar-Rahnu AgroBank iaitu pelanggan yang ingin membuat penebusan, barang yang digadai perlu dinilai terlebih semula. Manakala tiada

perubahan pada aspek perundangan dan takaful. Terdapat beberapa kesan perubahan konsep kontrak dalam produk ar-Rahnu yang dapat pengkaji huraikan iaitu prosedur pelaksanaan bertambah, berlaku penambahan dokumen iaitu kontrak murabahah dan kontrak wakalah, jumlah bayaran upah simpan berubah selepas enam bulan berikutnya kerana mengikut harga emas semasa dan pihak yang berkontrak bertambah. Selain itu, kesan perubahan juga ialah berlaku gangguan teknikal dengan sistem yang akan menyebabkan tempoh masa menunggu untuk kelulusan pembiayaan menjadi lama apabila berlaku masalah teknikal kerana pasaran bursa tidak dapat bersambung dengan sistem ar-Rahnu dan urusniaga jualan komoditi tidak dapat dilaksanakan. Akhir sekali, pengkaji dapat merumuskan bahawa perubahan konsep kontrak yang berlaku telah memberi impak yang positif terhadap konsep syariah dan struktur produk kerana terdapat urusniaga jualan komoditi dan transaksi jual beli yang dilaksanakan adalah jelas tanpa unsur gharar.

RUJUKAN

- Al Quran. *Tafsir Pimpinan ar-Rahman*. (2013). Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Ab. Mumin Ab. Ghani. (1999). *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ab Sofi Mustaffa. (2021). Temu bual implikasi perubahan konsep kontrak dalam produk ar-Rahnu. Ar-Rahnu AgroBank, Kuala Terengganu. Temu bual, 13 Oktober 2021.
- Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI). (2010). *Shari'a Standards for Islamic Financial Institutions*. Bahrain: AAOIFI.
- Agrobank. (2020). Terma dan syarat pembiayaan Ar-Rahnu. <https://www.agrobank.com.my/wp-content/uploads/2019/07/LEMBARAN-MAKLUMAT-PRODUK.pdf>.
- Ar-Rahn Permodalan Kelantan Berhad (PKB). (2021). Pengenalan produk ar-Rahn Permodalan Kelantan Berhad. <http://www.pkb.net.my/pengenalan>. Diakses pada 17 July 2021.
- Ar-Rahnu Yayasan pembangunan ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM). (2021). produk Ar-Rahnu YaPEIM. <https://www.arrahnuyapeim.net/produk>. Diakses pada 1 July 2021.
- Ar-Rahnu Co-op Bank Pertama. (2021). Lembaran Penzahiran Produk (Ar-Rahnu). <https://www.cbp.com.my/produk/ar-rahnu2.html>. Akses pada 28 July 2021.
- Azmi. (2021). Temu bual implikasi perubahan konsep kontrak dalam produk ar-Rahnu. Permodalan Kelantan Berhad, Kelantan. Temu bual, 4 Oktober 2021.

- Bank Negara Malaysia. (2019). Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia (SAC) Ruling on Ar-Rahnu Product Proposal based on Tawarruq. [Online] available from: https://www.bnm.gov.my/documents/20124/914558/01_SAC198_Draft+SAC+Statement_Rahnu_en.pdf. Akses pada 6 July 2021.
- Hisyam Khairie. (2021). Temu bual implikasi perubahan konsep kontrak dalam produk ar-Rahnu. Permodalan Kelantan Berhad, Kelantan. Temu bual, 4 Oktober 2021.
- Ibn Manzur. (1990). *Lisan al-'Arab*. Beirut; Dar al-Fikr. Jil 10: 374-375.
- Mesyuarat Majlis Penasihat Shariah (MPS) Bank Negara Malaysia Ke-194 dan Ke-195. (2019). Pematuhan Produk Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) Terhadap Dokumen Polisi Rahn <https://www.bnm.gov.my/documents/20124/1085561/SAC+194th+%26+195th+Meeting+Statement+%28BM%29.pdf> . Akses pada 6 July 2021.
- Mohd Farhan Ahmad & Mohd Adib Ismail. (2011). Pendekatan Baru Pembiayaan Peribadi Satu Cadangan. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM)* VI Jilid 2: 178-183.
- Nik Abdul Rahim bin Nik Abdul Ghani & Azlin Alisa Ahmad. (2018). Analisis Syariah Terhadap Caj Upah dalam Skim Pembiayaan Mikro Berasaskan al-Rahnu. *Prosiding International Conference on Law and Islamic Jurisprudence (ICIJ 2018)*.
- Norazlin Mokhtar. (2021). Temu bual implikasi perubahan konsep kontrak dalam produk ar-Rahnu. Koperasi Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Kuala Lumpur. Temu bual, 5 november 2021.
- Nur Hidayah Awang. (2021). Temu bual implikasi perubahan konsep kontrak dalam produk ar-Rahnu. Ar-Rahnu AgroBank, Kuala Terengganu. Temu bual, 13 Oktober 2021.
- Nur Zikri. (2021). Sejauhmana perubahan konsep kontrak dalam produk ar-Rahnu. Kajian Rintis Pengkaji keatas pekerja ar-Rahnu Tekun Cawangan Tanah Merah Kelantan.
- Othman Lebar. (2018). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori Dan Metode*. Edisi ke-2. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak.
- Raimi Husin. (2015). *Pelaburan Emas Melalui Skim Ar-Rahnu Menurut Perspektif Islam*. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosliza Abd Latif. (2014). *Kemampuan Skim Ar-Rahnu Sebagai Alternatif Kepada Pajak Gadai Konvensional Dan Ceti Haram*. Kajian Tesis Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsiah Mohamad, & Safinar Salleh. (2008). Upah Simpan Barang Dalam Skim Ar-Rahnu: Satu Penilaian Semula. *Jurnal Fiqh*, 5, 47-65.
- Suharne Zainudin. (2020). YaPEIM Perkenal At-Tawarruq. *Sinar Harian Online*. <https://www.sinarharian.com.my/article/69717/BISNES/Yapeim-perkenal-At-Tawarruq>.
- Wahbah Al-Zuhaili. (1984). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Juz. 5. Edisi ke-2. Dimashq: Darul Fikri.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2015). *Al-Fiqh al-Manhaji Muamalat & Kewangan Islam dalam Fiqh al-Syafi'i*. Darul Syakir Enterprise. Selangor.

Aida Rasyiqah Zulkifli
p101642@siswa.ukm.edu.my
Pelajar SiswaZah
Pusat Kajian Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA

Zamzuri Zakaria
zamz@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA

JOURNAL OF CONTEMPORARY ISLAMIC LAW (2021) 6(2)

KANDUNGAN / CONTENTS

| | |
|--|-------|
| Akad Jual Beli dalam Talian Berasaskan Prinsip Fiqh Muamalat <i>Contract of Sale and Purchase via Online from Fiqh Muamalat Principles</i> Roshaimizam Suhaimi, Ismail Ahmad, Mohd Hapiz Mahaiyadin, Ezani Yaakub, Jasni Sulong | 1-11 |
| Aplikasi Qabd Dalam Hibah: Pandangan Fuqaha dan Pengamalan Dalam Perundangan di Malaysia <i>Application of Qabd in Hibah: Fuqaha Views and Legal Practice in Malaysia</i> Noor Aini Abdullah, Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Zamro Muda, Nasrul Hisyam Nor Muhamad | 12-21 |
| Analisis Perbandingan Pandangan Fuqaha Mengenai Syarat Ahliyyah dalam Perkahwinan <i>Comparative Analysis of Fuqaha's Views on The Conditions Of Ahliyyah in Marriage</i> Nurul Ain Hazram, Raihanah Azahari | 22-31 |
| Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif Maqāṣid Al-Sharī‘ah <i>Underage Marriage from The Perspective of Maqāṣid Al-Sharī‘ah</i> Nurul Ain Hazram, Raihanah Azahari | 32-42 |
| Are The Limitations on Remedies Fair? A Comparative Study Between The Us Law and Islamic Law Fahad Mubarak Aldossary | 43-54 |
| Pembahagian Harta Pusaka dalam Kalangan Masyarakat Muslim di Negeri Sembilan: Satu Kajian Literatur <i>Distribution of Inheritance Among Muslims Society in Negeri Sembilan: A Literature Review</i> Wan Nur A'ina Mardhiah Wan Rushdan, Zamro Muda, Zuliza Mohd Kusrin | 55-64 |
| Keperluan Tadbir Urus Syariah di Industri Kecil dan Sederhana (IKS): Satu Tinjauan Literatur <i>The Need of Shariah Governance For Small and Medium Enterprise (SME): A Literature Review</i> Abd Hakim Abd Rasid, Salmy Edawati Yaacob, Mat Noor Mat Zain | 65-75 |
| Standard Penarafan Hotel Mesra Muslim Berdasarkan Maqasid Syariah: Satu Sorotan <i>Muslim Friendly Hotel Rating's Standards Based on Maqasid Syariah: An Overview</i> Aziz Abidin Bin Azmi Puat, Mohammad Zaini Bin Yahaya | 76-85 |

| | |
|---|---------|
| Tāhā Jābir Al-‘Alwānī’s Viewpoint on Apostasy: An Analytical Study From Bangladesh Perspective Belayet Hossen, Abdul Bari Bin Awang | 86-94 |
| Kesesuaian Komponen Pendedahan Maklumat Dalam Peraturan 3 P.U. (A) 458 Untuk Transaksi Pembelian dalam Talian <i>Appropriateness of The Information Disclosure Components in Regulation 3 P.U. (A) 458 For Online Purchase Transactions</i> Amirah Madihah Binti Adnan, Zamzuri Bin Zakaria, Norhoneydayatie Binti Abdul Manap | 95-104 |
| Wakaf Sebagai Dana Alternatif untuk Pembiayaan Pendidikan Peringkat Sekolah di Malaysia: Satu Tinjauan <i>Waqaf as Alternative Education Fund for School Level in Malaysia</i> Mohd Faizal Noor Bin Ariffin, Mohammad Zaini Bin Yahaya, Abdul Basir Bin Mohamad, Amir Fazlim Bin Jusoh @ Yusoff | 105-113 |
| Konsep Fesyen Menurut Syarak Dan Kaitan Dengan Tabarruj: Satu Tinjauan Literatur <i>A Concept of Fashion According to Islamic Law and Its Relation with Tabarruj: A Review</i> Siti Zanariah Husain, Muhammad Adib Samsudin | 114-126 |
| Kelebihan dan Kekurangan Sukuk Blockchain: Satu Sorotan Literatur <i>The Advantages and Disadvantages of Blockchain Sukuk: A Literature Review</i> Nadhirah Sakinah Binti Sidik, Azlin Alisa Binti Ahmad | 127-134 |
| Isu Isu Syariah bagi Aplikasi Modal Teroka di dalam Koperasi <i>Shariah Issues on The Application of Venture Capital in Cooperative</i> Khairul Fatihin B Saedal Atas, Azlin Alisa Ahmad, Mohammad Zaini Bin Yahaya, Amir Fazlim Bin Jusoh @ Yusoff | 135-145 |
| Analisis Perubahan Konsep Kontrak Dalam Prosedur Pelaksanaan Produk Ar-Rahnu Dan Kesannya <i>Analysis Changes Of Contract Concept In Implementation Of Procedure Ar-Rahnu Products And Its Impact</i> Aida Rasyiqah Binti Zulkifli, Zamzuri Bin Zakaria | 146-154 |
| حديث "ناقصات عقل ودين" وإشكالية التعليل به في قضايا المرأة، دراسة نقدية <i>The Prophetic Hadith Of "Women Are Deficient In Reason And Religion" And The Problem Of Using It As A Justification In Women's Issues, A Critical Study</i> A.B. Mahroof | 155-170 |

Journal of Contemporary Islamic Law
(2021) Vol. 6(2)

Editor-In-Chief
Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani
Co-Editor
Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary
Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor
Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad
Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad
Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad
Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah
Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin
Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

International Editor
Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi
Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abdur
Dr. Asman Taeali
Dr. Muhammad Yasir Yusuf
Dr. Ahmad Nizam
Dr. T. Meldi Kesuma
Sarjyanto
Shinta Melzatia
Dr. Hamza Hammad
Dr. Nazlida Muhamad
Dr. Madiha Riaz
Dr. Naveed Ahmad Lone

Chief Managing Editor
Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor
Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor
Dr. Mohd Zamro Muda
Dr. Md. Yazid Ahmad

Editor
Dr. Mohammad Zaini Yahaya
Dr. Azlin Alisa Ahmad
Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:
Research Centre for Sharia,
Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:
Author, (2021), Title, Journal of Contemporary
Islamic Law, 6(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:
This work is licensed under a Creative Commons
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works
3.0 Unported License
(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).
You can download an electronic version online. You
are free to copy, distribute and transmit the work
under the following conditions: Attribution – you
must attribute the work in the manner specified by
the author or licensor (but not in any way that
suggests that they endorse you or your use of the
work); Noncommercial – you may not use this work
for commercial purposes; No Derivative Works – you
may not alter, transform, or build upon this work.